

## PM mahu tumpuan diberi kepada 'ekonomi perak' warga emas

**KUALA LUMPUR** - Malaysia perlu mengutamakan pelaburan dalam ekonomi perak untuk membina infrastruktur dan mencetuskan inovasi dalam bidang teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik yang membolehkan warganegara menua aktif dan sihat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ekonomi perak ialah semua aktiviti ekonomi, produk dan perkhidmatan yang direka untuk memenuhi keperluan kalangan penduduk yang berusia lebih 50 tahun.

Perdana Menteri berkata, meningkatkan ketersediaan dan kemampuan peranti teknologi daripada teknologi ke-diaman pintar sehingga peranti boleh

guna yang membantu Menjejaki penanda kesihatan, membolehkan kalangan penduduk Malaysia yang menua menjalani kehidupan persaraan yang lebih sihat.

“Kemajuan dalam teknologi kebolehcapaian, yang boleh mengatasi kemerosotan mobiliti, pendengaran atau penglihatan, serta dapat meningkatkan produktiviti kalangan penduduk menua di tempat kerja, membolehkan mereka menyumbang kepada tenaga kerja untuk tempoh yang lebih lama,” katanya pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2024 (ISWC 2024).

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia mesti mengutamakan pelaburan dalam sektor penting seperti penjagaan kesihatan, farmaseutikal dan infrastruktur

yang kondusif untuk penuaan aktif.

“Menerusi langkah memperuntukkan sumber kepada bidang ini, Malaysia boleh meletakkan kedudukannya untuk memanfaatkan potensi pasaran yang berkembang pesat, dianggarkan bernilai AS\$15 trilion (RM70.2 trilion), didorong oleh keperluan dan keutamaan jumlah pengguna yang menua.

“Pelaburan sedemikian bukan sahaja menjanjikan pulangan besar malah juga menekankan komitmen Malaysia untuk memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup kumpulan penduduk yang semakin tua di samping merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan untuk negara,” katanya.

Anwar berkata, persediaan untuk ne-

gara menua memerlukan pendekatan se-negara untuk menambah baik kehidupan penduduk menua Malaysia dan dunia.

Beliau berkata, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) telah menerajui pelaburan dalam usaha niaga yang didasarkan untuk membangunkan ekonomi perak di Malaysia.

“Saya mengharapkan lebih banyak penglibatan daripada sektor swasta dalam membangunkan produk dan penyelesaian dalam bidang ini supaya kita tidak ketinggalan dalam persaingan,” katanya. - *Bernama*